



Alamat : **Bahagian Komunikasi Strategik,**  
**Aras 18, Blok C,**  
**Ibu Pejabat**  
**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,**  
**No. 2, Lebuh Wawasan, Presint 7,**  
**62250 Putrajaya**  
Tel. : **03-8870 0015**  
E-mel : [komunikasi@sprm.gov.my](mailto:komunikasi@sprm.gov.my)  
Web : [www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)  
Twitter : [twitter.com/SPRMMalaysia](https://twitter.com/SPRMMalaysia)  
Facebook: [facebook.com/sprm.benci.rasuah](https://facebook.com/sprm.benci.rasuah)  
Youtube : [www.youtube.com/odvmacc](https://www.youtube.com/odvmacc)

# KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

## SPRM TAHAN EKSEKUTIF MUDA, BUKAN CEO

SURUHANJAYA Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan telah menahan sembilan individu sejak 8 April (Jumaat) lalu sehingga hari ini bagi membantu siasatan isu rasuah berhubung projek di Petronas Carigali Sdn. Bhd. (PCSB).

Siasatan ini merupakan hasil kerjasama dan perkongsian maklumat antara SPRM dan Petronas bagi membantu memperkuatkannya integriti di syarikat berkaitan kerajaan (GLC) berkenaan.

Dalam pada itu, Suruhanjaya ini ingin menjelaskan bahawa seorang daripada sembilan individu yang ditahan bagi membantu siasatan tersebut merupakan eksekutif muda (*junior level executives*) di PCSB dan bukannya Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) seperti dakwaan segelintir pihak.

Manakala lapan lagi individu yang turut ditahan merupakan pemilik dan pegawai kanan syarikat-syarikat kontraktor serta vendor yang menjalankan projek berkaitan isu rasuah tersebut.

## SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA PUTRAJAYA

11 APRIL 2022



**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi** Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik,  
Kamaruddin M. Ripin (03-88700016) atau Badrila Jamlus (03-88700200)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan sebuah agensi penguatkuasaan yang ditubuhkan melalui penggubalan Akta SPRM 2009 (Akta 694D) bagi meningkatkan keberkesan dan kecekapan dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia serta untuk memperbaiki persepsi kebebasan dan ketelusan dalam pelaksanaan fungsi-fungsi SPRM. SPRM turut disokong oleh mekanisme *check and balance* dalam menastikan SPRM bertindak selaras dengan kehendak perundangan negara dan aspirasi masyarakat. Suruhanjaya ini dahulunya dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR).